



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PERASMIAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA
UNTUK 10 MINIT**

**PADA 22 APRIL 2021 (KHAMIS), MASA: 10.45 PAGI
DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM MELAKA
(WAKIL: YB DATUK MUHAMMAD JAILANI BIN KHAMIS)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA,
SALAM MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT
BAHAGIA MENGGAMIT DUNIA.**

TERIMA KASIH SAUDARI PENGACARA MAJLIS;

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHAMED
AIZAMMUDDY BIN MOHAMED IDRIS,
PENGARAH PERPUSTAKAAN MELAKA
(PERPUSTAM);**

**SETERUSNYA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
SAYA HORMATI SEKALIAN,**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya, dapat kita bersua pada pagi ini di bulan Ramadan Al-Mubarak dalam suatu program inisiatif membaca yang juga merupakan satu tuntutan dalam agama kita.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) di atas penganjuran **Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Peringkat Negeri Melaka Bagi Tahun Kelapan** berturut-turut.

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri, kerana tidak dapat bersama di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

4. Seperti tahun-tahun sebelumnya, pada tarikh hari ini , sekali lagi kita menyahut seruan “Jom Baca Bersama 10 Minit” yang julung kali diadakan pada bulan Ramadan di mana ia sangat bertepatan kerana pada waktu bulan puasa inilah, kita dapat mengisi masa kita dengan membaca.

5. Saya yakin, program yang diadakan secara serentak di seluruh negara ini akan meningkatkan minat dan keseronokan membaca serta mampu menyuburkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

6. Sebagaimana Firman Allah S.W.T dalam **Surah Al-Alaqayat 1 hingga 5** yang bermaksud:

“Bacalah dengan (menyebut) nama tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya”.

7. Berdasarkan firman ini, jelas menunjukkan bahawa Allah S.W.T telah mengutamakan kewajiban membaca bagi hamba-hambanya, kerana dengan membacalah, setiap manusia dapat memahami sesuatu yang tidak diketahuinya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Tabiat membaca seharusnya dipupuk sejak kanak-kanak lagi. Masyarakat yang sempurna dari segi fikiran dan fizikal biasanya mempunyai latar belakang yang suka membaca. Membaca adalah kunci untuk memperolehi ilmu. Tiada kemahiran yang lebih asas dan lebih penting daripada kemahiran membaca. Dari masalah matematik yang kompleks, sejarah tamadun manusia, ke penemuan saintifik dan ciptaan teknologi terkini, membaca merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran pelbagai bidang.

9. Oleh itu, Pelancaran Program Jom Baca pada hari ini , merupakan satu simbolik sahaja untuk menjadikan budaya membaca sebagai amalan harian dengan memperuntukkan masa 10 minit atau lebih pada setiap hari sebagai simbol komitmen kita dalam mengamalkan tabiat dan budaya membaca tidak kiralah sama ada bahan bacaan santai mahupun bacaan bersifat akademik.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

AHLI KONSORTIUM U-PUSTAKA BAGI FASA KEDUA

10. Kerajaan Negeri Melaka melalui PERPUSTAM telah memainkan peranan penting khususnya dalam penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif ke arah mencapai objektif mewujudkan masyarakat yang berbudaya membaca serta berilmu. Sesuai dengan dasar Kerajaan dalam agenda pembangunan sosial, Kerajaan Negeri juga telah memperluas dan mempertingkatkan program pembangunan

perkhidmatan perpustakaan yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar.

11. Sebagai sebuah negeri yang maju, maka menjadi tanggungjawab kita untuk terus melengkapkan masyarakat dengan ilmu pengetahuan melalui pembacaan. Saya percaya, pihak PERPUSTAM dan Perpustakaan Negara Malaysia telah pun mempunyai strateginya yang tersendiri. Kerajaan Negeri Melaka akan sentiasa menyokong apa jua usaha untuk terus membudayakan membaca dalam kalangan masyarakat.

12. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada PERPUSTAM kerana telah dipilih oleh Perpustakaan Negara Malaysia menjadi ahli Konsortium U-Pustaka bagi fasa kedua yang bakal memberikan manfaat kepada seluruh rakyat di Negeri Melaka melalui pinjaman buku dengan semua 12 ahli konsortium yang lain dan juga menikmati bahan bacaan digital yang boleh diakses secara percuma.

13. Di sinilah pentingnya peranan institusi perpustakaan yang harus peka terhadap perubahan serta cabaran semasa. Dalam usaha kita merencanakan lagi budaya membaca, kita juga harus mengkaji kesan daripada kehadiran produk-produk baru di pasaran seperti e-book dan i-book. Produk tersebut kini amat digemari oleh masyarakat khususnya golongan muda kerana ia boleh diakses menggunakan pelbagai gajet berteknologi tinggi termasuklah telefon bimbit dan i-Pad.

14. Namun apa yang dikhuatiri ialah maklumat yang terdapat dalam internet sukar dikawal dan ditapis. Oleh itu, masyarakat perlu didedahkan dengan kaedah pencarian maklumat yang sah dan tepat agar mereka dapat menilai dan menyerap maklumat yang diperolehi tersebut. Usaha Perpustakaan Negara Malaysia mewujudkan platform U-Pustaka ini amatlah baik, kerana melaluinya masyarakat boleh mendapatkan bahan bacaan secara dalam talian melalui sumber yang betul dan sah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

PENUTUP

15. Sesungguhnya, usaha untuk menggalakkan masyarakat minat membaca perlu dilakukan secara berterusan. Jadikanlah membaca sebagai rutin harian kita.

16. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak PERPUSTAM dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit ini.

17. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim , saya dengan ini merasmikan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit bagi Tahun 2021 dan melancarkan Perkhidmatan U-Pustaka Peringkat Negeri Melaka.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

-TAMAT-